

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2023/2024**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 20603
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI 2024
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA<input type="checkbox"/> Buka buku<input checked="" type="checkbox"/> Tutup buku</li><li>3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU</li></ol>

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI ENAM BELAH (16) MUKA SURAT**

**TERBUKA**

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

- S1** Antara berikut, manakah paling **TEPAT** menerangkan peranan penyelia di sebuah organisasi pendidikan?
- (a) Mendorong dan menyelaras guru berkaitan PdP
  - (b) Mengurus dan memantau jadual waktu kokurikulum
  - (c) Memilih dan melatih guru dalam melaksanakan tugas
  - (d) Membangun dan mengurus kumpulan kerja hal ehwal murid
- S2** Ahli falsafah pengurusan ini memberikan penekanan terhadap perincian dalam jadual tugas dan amat relevan hingga kini untuk membolehkan pengurusan menetapkan sasaran dan tarikh akhir setiap tugas. Beliau memperkenalkan sistem bonus kepada pekerja yang melepassi sasaran tugas harian. Beliau turut menekankan kepentingan latihan untuk meningkatkan kemahiran kakitangan. Siapakah ahli falsafah pengurusan tersebut?
- (a) Henri Fayol
  - (b) Henry Gantt
  - (c) Luther Gullick
  - (d) Frederick Taylor
- S3** Puan Marini merupakan pengarah Kolej Vokasional Seri Baling telah memperkenalkan program insentif untuk memotivasi guru-guru dalam usaha mencapai matlamat kolej. Beliau berusaha untuk membangunkan budaya kerja kolaboratif dan inovatif dengan idea-idea baharu dipelajari dan dihargai. Antara berikut, manakah merupakan proses pengurusan yang **TEPAT** dilaksanakan oleh Puan Marini?
- (a) Meneraju
  - (b) Mengawal
  - (c) Merancang
  - (d) Mengorganisasi
- S4** Encik Jason seorang pemimpin yang dogmatik dan positif. Guru dibawah seliaannya mesti menurut perintahnya. Beliau juga sentiasa menarik balik ganjaran dan menjatuhkan hukuman jika guru melanggar peraturan. Gaya kepimpinan apakah dapat dikaitkan dengan ciri-ciri kepimpinan Encik Jason?
- (a) Gaya Kepimpinan Autokratik
  - (b) Gaya Kepimpinan Demokratik
  - (c) Gaya Kepimpinan Laissez-faire
  - (d) Gaya Kepimpinan Kajian Ohio State

**TERBUKA**

- Berfokuskan kualiti pembelajaran dan pengajaran
- Mempunyai harapan yang tinggi terhadap staf akademik dan pelajar
- Menggalakkan kerjasama dan kerja sepasukan dalam kalangan staf

**Rajah S5 Ciri-ciri pemimpin**

- S5** Manakah antara teori kepimpinan berikut menepati ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan pada **Rajah S5**?
- (a) Teori *Situational*
  - (b) Teori *Instructional*
  - (c) Teori *Transactional*
  - (d) Teori *Credibility based*
- S6** Puan Nurin menguruskan pendaftaran, pengesahan dalam jawatan, penempatan ke dalam jawatan berpencen dan jenis cuti guru sekolahnya. Beliau juga membantu kakitangan menentukan sasaran kerja tahunan. Apakah peranan yang dimainkan oleh Puan Nurin sebagai pemimpin di sekolah?
- (a) Pengurusan personel
  - (b) Pengurusan hal ehwal murid
  - (c) Pengurusan dan pembangunan
  - (d) Pengurusan pengawasan dan penyeliaan
- S7** Antara berikut, manakah merupakan sumber **PALING PENTING** untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi?
- (a) Bahan
  - (b) Manusia
  - (c) Peralatan
  - (d) Teknologi
- S8** Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam menyalurkan bantuan kepada murid yang tidak dapat menjelaskan yuran pengangkutan dan menyediakan kantin yang selesa. Selain itu, warga pendidik sekolah tersebut juga menghormati murid dan ibu bapa. Manakah elemen wawasan pendidikan yang ditunjukkan oleh sekolah tersebut?
- (a) Perpaduan
  - (b) Budaya cemerlang
  - (c) Sekolah penyayang
  - (d) Perkhidmatan penyayang
- S9** Manakah antara berikut **BUKAN** pusat pengajian tinggi dalam *Malaysian Technical University Network* (MTUN)?
- (a) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
  - (b) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
  - (c) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
  - (d) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

- Beban tugas diberi berdasarkan gaji yang dibayar
- Pekerja yang rajin akan dinaikkan pangkat
- Kepimpinan ini berlandaskan pertukaran

**Rajah S10 Ciri-ciri kepimpinan**

**S10** Berdasarkan penerangan pada **Rajah S10**, apakah teori kepimpinan paling sesuai dikaitkan dengan rajah tersebut?

- (a) Teori *Situational*
- (b) Teori *Instructional*
- (c) Teori *Transactional*
- (d) Teori *Transformational*

**S11** Encik Adli ialah pengarah Politeknik A. Beliau mengadakan mesyuarat dan bertanyakan status pelaksanaan program mengikut tugas yang telah diamanahkan. Apakah proses pengurusan yang dapat dikaitkan dengan tindakan Encik Adli?

- (a) Meneraju
- (b) Mengawal
- (c) Merancang
- (d) Mengorganisasi

- ❖ Menetapkan matlamat
- ❖ Mewujudkan strategi
- ❖ Membangunkan hierarki rancangan untuk mengintegrasikan

**Rajah S12 Proses pengurusan**

**S12** Manakah proses pengurusan yang **PALING TEPAT** boleh dikaitkan dengan **Rajah S12**?

- (a) Meneraju
- (b) Mengawal
- (c) Merancang
- (d) Mengorganisasikan

**S13** "Encik Lukman, tolong uruskan pertelingkahan antara Cikgu Anim dan Cikgu Kuntum," kata Puan Feonivian, Pengarah KV Sayang. Apakah gaya komunikasi yang ditunjukkan oleh Puan Feonivian?

- (a) *Dynamic style*
- (b) *Structuring style*
- (c) *Controlling style*
- (d) *Withdrawal style*

**TERBUKA**

- Menyelia dan menyelaras aktiviti mingguan
- Memilih peserta untuk mewakili sekolah
- Mengurus dan menyelia aktiviti
- Memastikan keselamatan pelajar
- Mengatur lawatan rasmi

**Rajah S14 Kluster kepemimpinan**

- S14** Rajah S14 menunjukkan tentang pengurusan di institusi pendidikan. Antara berikut, manakah bidang yang **TEPAT** dapat dikaitkan dengan **Rajah S14**?
- Kurikulum
  - Kokurikulum
  - Hal Ehwal Murid
  - Pejabat dan kewangan
- S15** Antara berikut, manakah **TEPAT** menerangkan tentang Sistem Pendidikan Malaysia?
- Sistem pendidikan di Malaysia diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Sistem pendidikan dipusatkan terutamanya bagi sekolah rendah dan sekolah menengah
  - Pendidikan Malaysia boleh diperoleh dari sekolah tanggungan kerajaan, sekolah swasta atau secara sendiri
  - Kerajaan negeri berkuasa menentukan kurikulum dan aspek lain pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah
- S16** Antara yang berikut, manakah merupakan peranan Institut Aminuddin Baki?
- Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari segi emosi, akhlak dan moraliti untuk mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
  - Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin para pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang
  - Membina dan membangunkan profesionalisme kepemimpinan dan pengurusan pendidikan untuk membantu membangunkan sistem pendidikan kebangsaan
  - Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan supaya tersusun dengan sistematik untuk melicinkan pentadbiran sekolah dan mencapai matlamat kementerian.
- S17** Apakah kemahiran mengurus yang **PALING PENTING** dikuasai oleh seseorang pengurus pendidikan pada peringkat kawal selia?
- Kemahiran mengaplikasi teori dan konsep pengurusan
  - Kemahiran memilih sumber yang sesuai dan berimpak
  - Kemahiran memahami sejarah dan latar belakang projek
  - Kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan

**TERBUKA**

- S18** Antara berikut, manakah **BENAR** menerangkan tentang prinsip utama sistem pendidikan Malaysia?
- (a) Merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai pembelajaran sepanjang hayat
  - (b) Meneguhkan pengetahuan mengenai sains dan teknologi untuk kemajuan negara
  - (c) Mengamalkan pengurusan pendidikan yang cekap supaya setaraf di peringkat antarabangsa
  - (d) Mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan
- S19** Pertumbuhan institusi TVET yang pesat telah berjaya menyediakan peluang mengembangkan kemahiran dan pengetahuan dalam kalangan pelajar. Perkembangan pengetahuan dan teknologi dari semasa ke semasa telah menuntut pelajar menambah pengetahuan dan kemahiran baharu seperti pengetahuan pendigitalan. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh semasa pelajar berada di institusi pendidikan dapat membekal dan menyediakan diri untuk menempatkan diri ke dalam pasaran kerja. Berdasarkan penerangan tersebut, manakah antara berikut menunjukkan rasional TVET yang **TEPAT** dapat dikaitkan?
- (a) Selaras dengan globalisasi
  - (b) Mobiliti tenaga kerja global
  - (c) Memenuhi kehendak industri
  - (d) Ekonomi berdasarkan pengetahuan
- S20** Encik Amir menegaskan supaya program yang dirancang dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan. Selain itu, Encik Amir juga mengarahkan ketua program menyediakan jadual untuk memastikan program yang dirancang berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat. Apakah gaya komunikasi Encik Amir?
- (a) *Dinamic style*
  - (b) *Structuring style*
  - (c) *Controlling style*
  - (d) *Withdrawal style*
- S21** Mengapa semangat kekitaan dan kesepadan hala tuju perlu ditanamkan dalam diri semua staf oleh pengurus institusi pendidikan?
- (a) Bertujuan mencapai kecemerlangan akademik pelajar
  - (b) Bertujuan mencapai matlamat institusi pendidikan yang telah ditetapkan
  - (c) Bertujuan mencapai kerjasama institusi pendidikan dengan komuniti setempat
  - (d) Bertujuan mencapai kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum institusi pendidikan

**TERBUKA**

**S22** Antara berikut, manakah merupakan masalah-masalah yang wujud dalam proses penilaian prestasi?

- (i) Wujud prasangka
  - (ii) Kesilapan lampau
  - (iii) Penurunan pangkat
  - (iv) Kecenderungan memusat
- 
- (a) i dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S23** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri penilaian prestasi yang baik?

- (i) Keputusan penilaian adalah rahsia kepada pegawai yang dinilai
  - (ii) Mengamalkan komunikasi terbuka dengan pegawai yang dinilai
  - (iii) Menetapkan pempiawaian penilaian dengan pegawai yang dinilai
  - (iv) Menyenaraikan kriteria kerja yang berkaitan dengan pegawai yang dinilai
- 
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S24** Manakah antara berikut merupakan konsep kepimpinan?

- (i) Kepimpinan boleh digilap dan dipupuk dari semasa ke semasa
  - (i) Pemimpin yang baik sentiasa membangunkan keberkesanan kepimpinan
  - (iii) Sifat kepimpinan seseorang pemimpin itu dapat dilihat sejak dari kecil
  - (iv) Kepimpinan ialah proses untuk membantu meningkatkan fungsi pengajaran
- 
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S25** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri pemimpin karismatik?

- (i) Berjaya mengubah pentadbiran organisasinya
  - (ii) Mengubah sikap dan nilai etika staf di bawah seliaannya
  - (iii) Mengurus secara kombinasi budi bicara dan pengupayaan
  - (iv) Mempunyai fokus ramai pengikut yang setia kerana terinspirasi
- 
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i dan iv sahaja
  - (c) ii dan iii sahaja
  - (d) iii dan iv sahaja

**TERBUKA**

**S26** Antara berikut, manakah merupakan objektif perpaduan dalam Wawasan Pendidikan?

- (i) Cinta akan negara
  - (ii) Memahami setiap budaya
  - (iii) Menghasilkan graduan cemerlang
  - (iv) Melahirkan generasi pelbagai budaya
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S27** Pemimpin di sesebuah organisasi pendidikan terutamanya sekolah bertanggungjawab melaksanakan perkara seperti berikut

- (i) mendaftarkan setiap murid baharu di sekolahnya
  - (ii) melantik guru baharu untuk mengajar di sekolahnya
  - (iii) melaporkan kerosakan bangunan kepada pejabat pendidikan daerah
  - (iv) memastikan keselamatan setiap warga sekolah ketika berada di premis
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S28** Manakah **BUKAN** usaha untuk merealisasikan sekolah penyayang mengikut norma tempatan?

- (i) Memupuk budaya membaca, menghayati dan mengamalkannya
  - (ii) Menekankan perkhidmatan kebajikan dan keselesaan warga sekolah
  - (iii) Kurikulum yang dibangunkan menekankan tentang nilai kemasyarakatan
  - (iv) Memupuk dan menyemai perasaan sayang dalam kalangan warga sekolah
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) iii dan iv sahaja
  - (c) i, ii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S29** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri budaya ilmu dalam Wawasan Pendidikan yang diaplikasikan mengikut hasrat masyarakat Malaysia?

- (i) Mengamalkan penyelidikan
  - (ii) Pembelajaran sepanjang hayat
  - (iii) Mendalami ilmu dan meneroka ilmu terkini
  - (iv) Menguasai, mengamal, menghayati dan berkongsi ilmu
- (a) i dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan IV

**TERBUKA**

**S30** Seiring dengan perkembangan pendidikan sejagat, perkembangan pendidikan di Malaysia juga sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi. Antara berikut, manakah **TIDAK BENAR** tentang sistem pendidikan Malaysia?

- (i) Pentadbiran pendidikan di Malaysia adalah secara berpusat
  - (ii) Pendidikan peringkat rendah selama 6 tahun iaitu dari tahun 1 hingga tahun 6
  - (iii) Pendidikan wajib menengah atas selama 4 tahun iaitu dari tingkatan 4 hingga 6 atas
  - (iv) Pelajar wajib lulus Bahasa Inggeris dan Sejarah untuk mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia
- 
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i dan iii sahaja
  - (c) iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S31** Pensyarah di kolej vokasional merupakan penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan penjawat awam negara. Manakah merupakan **HAK** seorang pensyarah di kolej vokasional?

- (i) Gaji
  - (ii) Cuti
  - (iii) Elaun
  - (iv) Letak jawatan
- 
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i dan iv sahaja
  - (c) ii dan iii sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S32** Antara berikut, manakah merupakan aspek-aspek utama yang diberi penilaian dalam Sistem Saran Malaysia?

- (i) Kualiti kerja
  - (ii) Penilaian sahsiah
  - (iii) Aktiviti dan sumbangan
  - (iv) Pengetahuan dan kompetensi
- 
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**TERBUKA**

**S33** Manakah merupakan tanggungjawab dan peranan pemimpin pendidikan dalam kluster kepemimpinan?

- (i) Peneraju
  - (ii) Pengawal
  - (iii) Pendorong
  - (iv) Pembimbing
- (a) i dan iii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S34** Sejak kebelakangan ini, mengapa Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) semakin penting dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dalam dan luar negara?

- (i) Menyokong mobiliti tenaga kerja ke peringkat global
  - (ii) Mendokong peningkatan ekonomi negara berdasarkan pengetahuan
  - (iii) Membantu negara membangunkan ekonomi negara secara menyeluruh
  - (iv) Memenuhi kehendak industri yang semakin berkembang bertunjangkan teknologi
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S35** Pengurusan pejabat dan kewangan sesebuah institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan matlamat organisasi tercapai. Oleh itu, pengurusan bahagian ini hendaklah dilaksanakan dengan cekap. Antara berikut, manakah menjelaskan peranan pentadbiran pejabat, kewangan, insfruuktur dan pembangunan staf dengan **TEPAT**?

- (i) Menyelenggara bangunan dan insfruuktur institusi dari masa ke masa
  - (ii) Menyelaras kursus, latihan dan peperiksaan kepada staf bukan akademik
  - (iii) Menyelaras kerja-kerja pinjaman dan pemulangan buku teks kepada murid
  - (iv) Memeriksa rancangan pengajaran harian yang dihantar oleh guru dari semasa ke semasa
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) ii dan iii sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**TERBUKA**

**S36** Antara berikut, manakah merupakan skop pengurusan pendidikan di sesebuah institusi pendidikan?

- (i) Menentukan matlamat institusi
  - (ii) Menyelesaikan masalah yang timbul
  - (iii) Merancang dan melaksanakan program
  - (iv) Melaksanakan pembangunan profesional
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S37** Kurikulum kebangsaan yang ditetapkan hendaklah menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperolehi oleh murid-murid pada akhir tempoh persekolahan masing-masing (Akta Pendidikan 1996). Oleh itu, untuk mencapai hasrat tersebut maka pengurusan kurikulum adalah penting untuk perkara-perkara berikut

- (i) rancangan pengajaran harian
  - (ii) peralatan dan bahan teknologi
  - (iii) ujian, peperiksaan dan penilaian
  - (iv) penyelarasian aktiviti pembelajaran dan pengajaran
- (a) i dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S38** Pilih kaedah penilaian prestasi yang boleh dilakukan oleh pemimpin di sesebuah institusi pendidikan untuk tujuan kenaikan pangkat?

- (i) Rekod pencapaian
  - (ii) Senarai semak kriteria prestasi pekerja
  - (iii) Penulisan ringkasan prestasi diri sendiri
  - (iv) Skala pengkadar berdasarkan kelakuan
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**TERBUKA**

**S39** Cikgu T didapati bersalah kerana telah melanggar arahan pengetua dan berhadapan dengan tindakan tatatertib seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Manakah merupakan turutan tindakan tatatertib yang **TEPAT** dikenakan kepada Cikgu T?

- (i) Denda
  - (ii) Amaran
  - (iii) Turun gaji
  - (iv) Buang kerja
  - (v) Turun pangkat
  - (vi) Lucut hak emolumen
  - (vii) Tangguh pergerakan gaji
- (a) ii, i, vi, vii, iii, v dan iv
  - (b) ii, i, vi, iii, v, vii dan iv
  - (c) ii, iii, i, vi, vii, v dan iv
  - (d) ii, vi, i, iii, v, vii dan iv

**S40** Berikut merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya cemerlang dalam pengurusan sekolah iaitu

- (i) bengkel-bengkel dan latihan diberikan di peringkat pertengahan dan bawahan
  - (ii) ganjaran atau anugerah perlu disediakan sebagai dorongan kepada kakitangan supaya lebih cemerlang
  - (iii) kakitangan yang kurang cekap dilengkapkan dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap tugas
  - (iv) setiap kakitangan perlu dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i dan iii sahaja
  - (c) ii dan iv sahaja
  - (d) iii dan iv sahaja

**S41** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dilaksanakan untuk mentransformasikan pendidikan supaya dapat menghadapi cabaran baharu. Antaranya ialah mewujudkan 6 aspirasi pelajar dengan memberi penekanan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Manakah antara berikut merupakan antara aspirasi pelajar tersebut?

- (i) Perpaduan
  - (ii) Identiti nasional
  - (iii) Etika dan kerohanian
  - (iv) Kemahiran memimpin
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**TERBUKA**

**S42** Unit Hal Ehwal Murid (HEM) merupakan salah satu unit yang memainkan peranan penting untuk memastikan kelangsungan pengurusan sesebuah institusi pendidikan. Manakah antara berikut merupakan peranan unit HEM?

- (i) Mengeluarkan dan menandatangani surat pindah sekolah murid
  - (ii) Menerima, memproses, mengagih dan menguruskan buku teks
  - (iii) Merancang dan menyelaras program orientasi untuk murid baharu
  - (iv) Menyelaras penyeliaan operasi kantin dan pengurusan kiosk makanan
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S43** Antara berikut, manakah merupakan persamaan yang paling ketara antara pendidikan awam dan swasta di Malaysia?

- (i) Yuran pengajian yang sama
  - (ii) Tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996
  - (iii) Menggunakan pelbagai strategi pengajaran
  - (iv) Menyediakan peluang pendidikan yang luas
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S44** Berikut merupakan peranan penyeliaan dan pembangunan pemimpin institusi pendidikan untuk memastikan staf akademik dapat melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan.

- (i) Program pembangunan staf hanya dikendalikan oleh pihak luar yang pakar sahaja
  - (ii) Staf akademik perlu didedahkan dengan pembangunan terkini dalam inovasi pendidikan
  - (iii) Pemimpin menyelia dan memantau staf akademik untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan staf tersebut
  - (iv) Program pembangunan staf dilaksanakan kepada staf secara bersasar sahaja untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) ii dan iii sahaja
  - (c) i, ii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**TERBUKA**

**S45** Institut Aminuddin Baki (IAB) berperanan untuk memberikan latihan kepimpinan dan pengurusan kepada pemimpin dan pengurus sekolah. Antara berikut, manakah merupakan fungsi IAB?

- (i) Konsultasi
  - (ii) Penerbitan
  - (iii) Pengukuhan
  - (iv) Penyelidikan
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S46** Kurikulum yang telah dirancang dan ditetapkan oleh kementerian atau institusi pendidikan hendaklah dicapai selaras dengan keperluan pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, pencapaian kurikulum tersebut perlulah dipastikan dengan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut

- (i) pengurusan ujian dan peperiksaan perlu mengambil kira kurikulum yang telah ditetapkan
  - (ii) penggunaan peralatan dan sumber teknologi mesti diaplikasikan dalam semua sesi pengajaran dan pembelajaran
  - (iii) kurikulum dan silabus mata pelajaran hendaklah selari supaya dapat melahirkan modal insan mengikut acuan Malaysia
  - (iv) aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang dirancang perlu disesuaikan untuk mencapai kurikulum yang telah ditetapkan
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, ii dan iv sahaja
  - (c) i, iii dan iv sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S47** Sesebuah institusi pendidikan perlu mengambil inisiatif supaya dapat menjalankan hubungan yang baik dengan agensi lain seperti mewujudkan hubungan dua hala. Hal ini kerana hubungan yang baik antara institusi dengan agensi dan pihak luar dapat membantu melancarkan pengurusan institusi dari pelbagai aspek. Antara berikut, manakah merupakan pihak luar yang dimaksudkan?

- (i) Ibu bapa pelajar
  - (ii) Komuniti setempat
  - (iii) Kementerian Kesihatan Malaysia
  - (iv) Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**TERBUKA**

**S48** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri budaya ilmu yang diaplikasikan mengikut masyarakat di Malaysia?

- (i) Mengamalkan penyelidikan
  - (ii) Pembelajaran sepanjang hayat
  - (iii) Mendalami ilmu dan meneroka ilmu terkini
  - (iv) Menguasai, mengamal, menghayati dan berkongsi ilmu
- (a) i, ii dan iii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S49** Puan Alya mampu memotivasi dan mempengaruhi guru dan anggota kumpulan sokongan sekolahnya, dapat memberi inspirasi dan mengarahkan guru melakukan sesuatu perkara untuk mencapai misi dan visi sekolahnya. Antara berikut, manakah **TEPAT** menerangkan jawatan Puan Alya?

- (i) Pengetua
  - (ii) Pengarah kolej vokasional
  - (iii) Pegawai pendidikan daerah
  - (iv) Pengarah jabatan pendidikan negeri
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) ii dan iii sahaja
  - (c) i, ii dan iii sahaja
  - (d) ii, iii dan iv sahaja

**S50** Antara berikut, manakah tanggapan yang perlu diberikan kepada setiap murid mengikut konsep pelaksanaan sekolah penyayang?

- (i) Setiap murid cerdas
  - (ii) Setiap murid pandai
  - (iii) Setiap murid boleh dididik
  - (iv) Setiap murid boleh cemerlang
- (a) i dan ii sahaja
  - (b) i, iii dan iv sahaja
  - (c) ii, iii dan iv sahaja
  - (d) i, ii, iii dan iv

**TERBUKA****BAHAGIAN B**

**S51** Perkembangan pendidikan di Malaysia telah menyaksikan perubahan demi perubahan mengikut peredaran zaman dan keperluan politik semasa. Banyak faktor yang mempengaruhi pendidikan Malaysia sehingga wujud sistem pendidikan yang ada pada masa kini.

- (a) Senaraikan cadangan atau syor yang dikemukakan oleh laporan berikut
- (i) Sekolah pondok dan pendidikan vernakular (2 markah)
- (ii) Laporan Cheeseman (2 markah)
- (iii) Laporan Barnes (2 markah)
- (iv) Laporan Fenn-Wu (2 markah)
- (v) Penyata Razak (2 markah)
- (b) Huraikan tiga (3) bidang utama pengurusan pendidikan berserta dengan contoh yang sesuai. (15 markah)
- S52** Kemahiran komunikasi merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh seorang pemimpin pendidikan supaya dapat mengurus dan mentadbir organisasinya dengan baik. Jelaskan lima (5) jenis komunikasi berserta dengan contoh yang sesuai. (25 markah)

**- SOALAN TAMAT -**

**TERBUKA**